

**Terjemahan  
Al-Qur'an**

Bersama

**Tafsir  
al-Qur'an  
Dengan  
al-Qur'an**

**Nota (9)**

**Surah al-Baqarah  
Ayat 142-167**

Oleh: Maulana Muhammad Asri Yusoff

Dan sesungguhnya jika engkau membawa segala macam bukti kepada orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang dikurniakan Al-Kitab itu, niscaya mereka tidak akan mengikut qiblatmu, dan engkau pun tidak sekali-kali akan mengikut qiblat mereka (tanpa perintah daripada Allah), malah sebahagian mereka tidak mahu mengikut qiblat sebahagian yang lain.<sup>232</sup> Dan sesungguhnya jika engkau menurut kehendak nafsu mereka setelah datangnya ilmu (berupa wahyu) kepadamu, maka sesungguhnya engkau (kalau begitu) termasuk dalam golongan orang-orang yang zalim. [145].

Orang-orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah Kami kurniakan Al-Kitab kepada mereka memang mengenalinya (Muhammad) seperti mereka mengenali anak-anaknya sendiri. Dan sesungguhnya segolongan dari mereka menyembunyikan kebenaran, sedangkan mereka mengetahui (salahnya perbuatan yang demikian).<sup>233</sup> [146].

Kebenaran itu adalah dari Tuhanmu, oleh itu janganlah sekali-kali engkau termasuk dalam golongan orang-orang yang ragu. [147].

Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (qiblat) yang ia menghadap kepadanya.<sup>234</sup> Maka berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan; (kerana) di mana saja

---

Ibrahim a.s. Dia juga akan bersembahyang dengan berqiblat kepada qiblatnya iaitu Ka'bah.

<sup>232</sup> Orang-orang Yahudi memang menghadap ke arah Baitul Maqdis, tetapi orang-orang Nasrani tidak mahu terikat dengan arah tertentu. Sesetengah mereka pula menghadap ke arah Baitul Laham di mana Nabi 'Isa a.s. dilahirkan.

<sup>233</sup> Mereka mengenali Nabi Muhammad s.a.w. daripada Kitab Suci yang ada pada mereka. Sifat-sifat penyudah sekalian nabi yang tersebut di dalamnya, semuanya tepat dengan Nabi Muhammad s.a.w.

<sup>234</sup> Sama ada ia benar atau tidak, direstui Allah atau tidak. Kalau begitu, ia sejajar dengan apa yang tersebut pada firman Allah di dalam Surah al-Maa'idah ini:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَبَ بِالْحُقْقِ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ مِنَ الْكِتَبِ وَمُفَيِّنًا عَلَيْهِ فَأَخْرُمُ بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَشْيَعُ  
أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكَ مِنَ الْحُقْقِ لِكُلِّ جَعْلَنَا مِنْكُمْ شَرِيعَةً وَمِنْهَا جَاءَ لَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجْعَلَنَّكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَكُمْ لَيْلَوْكُمْ  
فِي مَا مَأَتُكُمْ فَاسْتَقِرُوا أَخْتِرُوا إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٤﴾

Bermaksud: Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Al-Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. Maka jalankanlah hukum di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah

---

diturunkan oleh Allah (kepadamu) dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu berupa kebenaran. Untuk tiap-tiap umat di antara kamu, Kami berikan peraturan dan jalan yang terang (dalam agama). Sekiranya Allah menghendaki, niscaya kamu dijadikanNya satu umat sahaja, tetapi Allah hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepadamu. Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal saleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka Dia akan memberitahu kamu tentang apa yang kamu perselisihkan itu. (al-Maa'idah:48).

Maksudnya ialah Allah telah mengurniakan kemampuan dan kebebasan memilih kepada manusia untuk mengujinya, sama ada ia hendak memilih peraturan dan jalan agama Allah yang terang atau memilih kesesatan dan kekufuran. Allah boleh saja menjadikan manusia itu tidak mempunyai kemampuan dan kebebasan memilih. Maka jadilah sekalian manusia itu satu umat sahaja tanpa sebarang pilihan. Oleh kerana kejadian manusia itu dengan kehendak Allah dilengkapkan dengan kemampuan memilih, maka tidak samalah pilihan mereka. Termasuk juga soal qiblat. Biar apa pun, masing-masing berpuas hati dan bahagia dengan pilihannya. Kamu wahai umat Islam, janganlah mudah terpengaruh dengan mereka, sebaliknya hendaklah kamu berlumba-lumba mengerjakan kebaikan. Dan kebaikan itu hanya terletak pada jalan yang ditunjukkan oleh wahyu dari Allah dan juga Sunnah RasulNya. Wahyu dari Allah menghendaki umat akhir zaman menghadap ke arah al-Masjidil Haram atau Ka'bah setelah mereka menghadap ke arah Baitul Maqdis, maka padanyalah terletak kebaikan dan kebijakan, padanyalah juga pasti ada perkenan dan restu Allah.

Demikianlah salah satu tafsiran berdasarkan terjemahan yang diberikan di atas bagi firman Allah:

وَلِكُلٍّ وَجِهَةٌ هُوَ مُؤْمِنٌ بِهَا فَأَسْتَبِقُوا الْخَيْرِ

Terjemahan yang lain pula baginya ialah “Untuk masing-masing daripada umatmu ada arah Ka'bah yang akan dihadapinya”. Berdasarkan terjemahan ini, tafsirannya ialah Islam akan tersebar ke segenap pelusuk dan arah alam. Orang-orang yang berada di tempat-tempat itu juga akan menghadap ke arah Ka'bah bila bersembahyang. Ada yang menghadap ke arahnya dari timur, ada dari barat, ada dari selatan dan ada juga dari utara. Ertinya ialah Ka'bah itu akan menjadi qiblat bagi umat Islam yang berada di segenap pelusuk alam sebagaimana dapat disaksikan hari ini. Dan ia bersesuaian dengan firman Allah di bawah ini:

بَلْ مَتَّعْنَا هُوَ لَهُ وَعَابَ إِلَهُمْ حَتَّىٰ طَالَ عَلَيْهِمُ الْعُمُرُ أَفَلَا يَرَوْنَ أَنَّا نَأْتَىٰ لِلأَرْضِ تَشْصَهَا مِنْ أَظْرَافِهَا أَفَهُمْ أَغْلَيْبُونَ ﴿٤﴾

Bermaksud: (Bukan benda-benda yang dipertuhankan itu yang memberi kesenangan kepada mereka) bahkan Kami biarkan mereka dan nenek moyang mereka meni'mati (kesenangan hidup), hingga berlanjutanlah umur mereka (dalam keadaan yang menyebabkan berlaku perkara yang tidak diingini mereka). Maka tidakkah mereka melihat bahawa kami datangi daerah bumi yang mereka kuasai dengan menguranginya sedikit demi sedikit dari sempadan-sempadannya? Jika demikian halnya, maka adakah mereka yang akan menang? (al-Anbiyya':44).

kamu berada Allah tetap akan membawa kamu sekalian (pada hari kiamat untuk menerima balasan).<sup>235</sup> Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu. [148].

Dan dari mana saja engkau (wahai Muhammad) keluar (untuk mengerjakan sembahyang), maka hadapkanlah wajahmu ke arah Masjidil Haram (Ka'bah), sesungguhnya perintah berqiblat ke arahnya itu benar-benar sesuatu yang hak dari Tuhanmu. Dan (ingatlah) Allah tidak sekali-kali lalai dari apa yang kamu lakukan. [149].

---

Daripada segi menghadap ke arah Ka'bah dan al-Masjidil Haram umat Islam sama sahaja. Tidak ada kelebihan bagi orang-orang yang menghadap ke arahnya daripada mana-mana pihak sekalipun, namun banyak lagi kebaikan-kebaikan dan kebijakan-kebijakan lain yang boleh dibuat mereka untuk mendapat pahala selain menghadap ke arah Ka'bah yang tertentu ketika bershalat. Maka hendaklah mereka berlumba-lumba mengerjakannya.

<sup>235</sup> Inilah sebabnya kenapa kamu perlu berlumba-lumba membuat kebaikan. Sebabnya ialah semua kamu akan mati biar di manapun kamu berada. Semua kamu akan kembali kepada Allah. Setelah mati kamu akan diberikan balasan bagi segala kebaikan dan kebijakan yang telah dilakukan olehmu semasa di dunia dahulu. Inilah juga mafhum yang terhasil daripada ayat ke-48 Surah al-Maa'idah yang baru dikemukakan tadi. Firman Allah:

أَيْنَ مَا كُنْتُونَ أَيْنِ بِكُمُ اللَّهُ جَمِيعًا

boleh juga diterjemahkan dengan; “Di mana pun kamu berada, Allah akan menghimpunkan kamu”, maksudnya ialah di Baitullah pada musim Haji, khususnya orang-orang yang telah ditaqdir Allah akan mengerjakan Haji. Kerana Allah berfirman:

وَلَذِّ جَعَلْنَا الْبَيْتَ مَقَابَةً لِلنَّاسِ وَأَنَا وَأَخْذُوا مِنْ مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ مُصْلَىٰ وَعَهْدَنَا إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ أَنْ طَهَرَا بَيْتِي  
لِلظَّاهِرِينَ وَالْمُكَفِّفِينَ وَالرُّكْجَعِ السُّجُودِ ⑩

Dan (kenangilah), ketika Kami jadikan rumah itu sebagai pusat perhimpunan manusia dan tempat yang aman. Dan jadikanlah dari Maqam Ibrahim itu tempat shalat. Dan telah Kami perintahkan kepada Ibrahim dan Isma'il: “Bersihkanlah rumahKu (Ka'bah di Mekah) untuk orang-orang yang thawaf dan orang-orang yang tinggal tetap di sana, juga untuk orang-orang yang ruku' dan sujud (bersembahyang).” (al-Baqarah:125).

Allah juga berfirman:

وَأَذْنَ فِي النَّاسِ بِالْحَجَّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَىٰ كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجْعٍ عَيْقٍ ⑪

Bermaksud: Dan serukanlah umat manusia untuk mengerjakan ibadat Hajji, nescaya mereka akan datang kepadamu (ke rumah Tuhanmu) dengan berjalan kaki dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datangnya dari berbagai jalan (dan ceruk rantau) yang jauh. (al-Hajj:27).

وَمِنْ حَيْثُ حَرَجَتْ قَوْلِيَّ وَجْهَكَ شَطَرُ الْمُسْجِدِ الْحَرَامِ وَحَيْثُ مَا كُنْتُمْ قَوْلُواُ وَجُوهُكُمْ شَطَرَةٌ لِئَلَّا يَكُونَ لِلنَّاسِ  
 عَلَيْكُمْ حُجَّةٌ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ فَلَا تَخْشُوْهُمْ وَأَخْشُوْنِي وَلَا تَمْنَعُنِي عَلَيْكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَفَتَّدُونَ ۝ كَمَا أَرْسَلْنَا  
 فِيهِكُمْ رَسُولًا مِنْكُمْ يَشْلُوْعَ عَلَيْكُمْ أَيْتَنَا وَبِيَّنَيْكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُمْ مَا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ ۝  
 فَإِذْ كُرُوْنَيْ آذْكُرْكُمْ وَأَشْكُرْوَالِي وَلَا تَكْفُرُوْنِ ۝ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اسْتَعِنُوْا بِالصَّابِرِ وَالصَّلُوْةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِيْنِ ۝  
 وَلَا تَقُولُوا إِنَّمَّا يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتٌ بَلْ أَخْيَاءٌ وَلَكِنْ لَا تَشْعُرُوْنَ ۝ وَلَتَبْنُوْنَكُمْ بِشَفَعٍ مِنَ الْحَوْفِ وَالْجُوعِ  
 وَنَقِصٍ مِنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِيرُ الصَّابِرِيْنِ ۝

Dan dari mana saja engkau (wahai Muhammad) keluar (untuk mengerjakan sembahyang), maka hadapkanlah wajahmu ke arah Masjidil Haram (Ka`bah). Dan di mana saja kamu (sekalian umat Islam) berada, maka hadapkanlah wajahmu ke arahnya (ketika bersembahyang), supaya tidak ada lagi sebarang hujjah yang dapat digunakan orang terhadapmu, kecuali orang-orang yang zalim di antara mereka (ada saja yang mereka jadikan alasan). Maka janganlah kamu takut kepada mereka, malah hendaklah kamu takut kepadaKu (sahaja); dan supaya Aku sempurnakan ni`matKu kepadamu, dan juga supaya kamu mendapat petunjuk.<sup>236</sup> [150].

(Ni`mat berqiblatkan Ka`bah yang Kami berikan kepadamu itu), sebagaimana (ni`mat) Kami mengutuskan kepadamu seorang Rasul dari kalanganmu (iaitu Muhammad) yang membacakan ayat-ayat Kami kepadamu, membersihkan jiwanmu dan mengajarkan kepadamu Kitab Al-Qur'an dan Al-Hikmah, serta mengajarkan kepadamu apa yang belum kamu ketahui (berhubung dengan agama).<sup>237</sup> [151].

<sup>236</sup> Perintah berqiblatkan al-Masjidul Haram ketika bershalat yang diberikan di dalam ayat ke-149 dan 150 adalah kepada orang-orang yang bermusafir. Sementara perintah berqiblatkan al-Masjidul Haram ketika bershalat yang diberikan di dalam ayat ke-144 pula adalah untuk orang-orang yang bermukim. Perbezaan ini difahami daripada rangkai kata: وَمِنْ حَيْثُ حَرَجَتْ yang terdapat pada ayat ke-149 dan 150. Ia tidak tersebut pada ayat ke-144. Di dalamnya hanya tersebut rangkai kata: وَحَيْثُ مَا كُنْتُ sahaja. Kesimpulannya ialah menghadap ke arah qiblat ketika bershalat itu wajib dalam kedua-dua keadaan, bermukim dan juga bermusafir.

<sup>237</sup> Sesuai dengan firmanNya di dalam Surah al-Jumu`ah:

Oleh itu, ingatlah kamu kepadaKu niscaya Aku ingat (pula) kepadamu (dengan menambahkan lagi ni`mat); dan bersyukurlah kepadaKu, dan janganlah kamu kufur terhadapKu.<sup>238</sup> [152].

Wahai orang-orang yang beriman! Jadikanlah sabar dan shalat sebagai penolongmu,<sup>239</sup> sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar. [153].

Dan janganlah kamu mengatakan terhadap orang-orang yang gugur di jalan Allah itu mati;<sup>240</sup> bahkan sebenarnya mereka hidup,<sup>241</sup> tetapi kamu tidak menyadarinya.<sup>242</sup> [154].

---

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمَّةِنَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَنْذُرُهُمْ عَلَيْهِمْ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلِ  
لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ⑤

Bermaksud: Dialah yang telah membangkitkan dalam kalangan orang-orang (Arab) Ummiyyin (yang berpusat di Kota Mekah), seorang Rasul dari (kalangan bangsa) mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajarkan kepada mereka Kitab Suci (Al-Qur'an) dan Hikmah (As-Sunnah). Dan sesungguhnya mereka sebelum itu adalah dalam kesesatan yang nyata. (al-Jumu'ah:2).

<sup>238</sup> dengan menolak pengutusan Muhammad sebagai nabi dan rasul terakhir, kerana Allah berfirman:

لَقَدْ مَنَّ اللَّهُ عَلَى النَّوْمِينَ إِذْ بَعَثَ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ يَنْذُرُهُمْ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ  
وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلِ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ⑥

Bermaksud: Sesungguhnya Allah telah mengurniakan ni`matNya yang sangat besar kepada orang-orang yang beriman, setelah Dia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah dan membersihkan jiwa mereka (dari kepercayaan yang sesat), serta mengajar mereka Al-Kitab (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum Syariat) dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata. (Aali 'Imraan:164).

Di dalam firmanNya yang lain disebutkan kelebihan bersyukur dan akibat buruk kufur atau tidak bersyukur kepadaNya begini:

وَإِذْ تَأْذَنَ رَبُّكُمْ لَمْ يَنْ شَكَرْتُمْ لَا زَيْنَكُمْ ۝ وَلَمْ يَكْفُرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ⑦

Bermaksud: Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku pasti akan menambah (ni`mat) kepadamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur (akan ni`matKu), maka azabKu amatlah dahsyat." (Ibrahim:7).

<sup>239</sup> Susunan ayat berbentuk perintah dan suruhan seperti ini telah pun berlalu pada ayat ke-٤٠ Surah al-Baqarah ini. Ia boleh juga diterjemahkan dengan "Carilah pertolongan Allah dengan bersabar dan bershalat".